

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 5 / 1994**

#### **PEMBERIAN MILIK TANAH DENGAN DIKENAKAN BAYARAN HARGA TANAH SECARA ANSURAN OLEH RAKYAT MISKIN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri setelah menimbang kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 10/314/94(14) di dalam sidangnya pada 11 Mei 1994 telah membuat keputusan menetapkan satu kaedah pembayaran ansuran harga tanah (premium) bagi pemberian milik tanah untuk jenis tanaman getah/kelapa sawit dibawah Seksyen 80(1) Kanun Tanah Negara 1965 sebagaimana berikut:-

- 1.1. Setiap permohonan milik tanah dibawah skim ini hendaklah disertakan perkara-perkara berikut:-
  - 1.1.1. Bayaran memfail untuk permohonan milik tanah RM20.00.
  - 1.1.2. Borang permohonan milik tanah – Jadual 1.
  - 1.1.3. Borang permohonan untuk menentukan kelayakan bagi membolehkan kemudahan ini diberi (Contoh borang disertakan sebagaimana di **Lampiran A** ).
2. Permohonan milik tanah didaftarkan manakala permohonan untuk mendapat kelulusan bayaran ansuran ini hendaklah diangkat kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan.

- 2.1. Sekiranya permohonan tersebut mendapat kelulusan maka permohonan milik tanah tersebut hendaklah diproses sebagaimana biasa.
  - 2.2. Setelah permohonan diluluskan maka bayaran ansuran premium pertama hendaklah meliputi :-
    - 2.2.1 Hasil Tanah untuk satu ( 1 ) tahun
    - 2.2.2 Upah Ukur
    - 2.2.3 Harga batu sempadan
    - 2.2.4 Penyediaan hakmilik kekal dan pelan
  - 2.3. Bayaran ansuran bagi setiap bulan berikutnya hendaklah berasaskan kepada jumlah baki yang diagihkan untuk selama 71 bulan.
3. Permohonan yang telah diluluskan untuk mendapat kemudahan ini boleh membuat pilihan untuk membayar setiap bulan atau setahun (12 bulan) sekali dan sekiranya pemohon gagal untuk menjelaskan bayaran tersebut selepas tiga bulan daripada tempoh pilihan tersebut permohonan tersebut akan dibatalkan.
  4. Sekiranya permohonan untuk mendapatkan kemudahan ini tidak diluluskan maka pemohon hendaklah diberitahu dan mereka hendaklah membayar wang deposit tambahan sebagaimana amalan biasa sebelum permohonan tersebut dapat diproses.
  5. Segala bayaran yang diterima hendaklah dimasukkan ke dalam akaun deposit bagi setiap pemohon.

6. Kemudahan Skim Bayaran Ansuran ini hendaklah diberi kepada rakyat miskin sahaja yang jumlah pendapatan keluarga tidak melebihi RM300.00 sebulan.

**t.t**

**( Khalid bin Kadir )**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
( Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Tuan Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)
8. Y.A.Brs. Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
9. Y.A.Brs. Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).
10. Y.A.Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
11. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN,  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH KOTA DARULNAIM,**

**15576 KOTA BHARU.  
BERTARIKH: 15 JUN 1994**

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN BAGI SKIM  
PEMBERIAN MILIK TANAH DENGAN DIKENAKAN BAYARAN HARGA TANAH  
SECARA ANSURAN OLEH RAKYAT MISKIN (PEKELILING PTG 5/95)**

lama

## 1. MAKLUMAT MENGENAI PEMOHON

## 1. Nama

## 2. No KP

--	--	--	--	--	--	--

Baru

### 3. Tarikh lahir

--	--	--	--	--	--

## 4. Pekerjaan

### 5. Pendapatan sebulan

--	--	--	--	--

**6. Nama dan Alamat Majikan (jika berkenaan)**

**B. MAKLUMAT MENGENA KELUARGA (PEMOHON)**

1. Bil ahli keluarga yang tinggal serumah  orang

2. Bilangan ahli keluarga yang bekerja  orang

3. Jumlah pendapatan ahli keluarga sebulan (RM)

## C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang terkandung di dalamnya adalah benar.

Tarikh:

---

### Tandatangan pemohon

D PERAKUAN

Saya mengesahkan bahawa segala keterangan-keterangan di atas adalah benar.

Tarikh:

Tandatangan Majikan/  
Penggawa/Penghulu  
Cop rasmi

## D. KEPUTUSAN

Diluluskan/tolak

Tarikh: \_\_\_\_\_

---

Pentadbir Tanah  
(Cop Rasmi)